Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA 4 NOVEMBER 2026
(2.50 petang)

BANJIR KILAT: LALUAN DI KEDUA-DUA ARAH LEBUHRAYA BARU LEMBAH KLANG (NKVE) DI ANTARA SHAH ALAM DAN SETIA ALAM (KM8.7 – KM9.3) DIBUKA SEMULA UNTUK SEMUA KENDERAAN

Petaling Jaya, 4 November 2026: PLUS Malaysia Berhad (PLUS) mengesahkan bahawa kedua-dua laluan di antara Setia Alam dan Shah Alam (KM8.7 - KM9.3) di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) yang ditutup berikutan banjir kilat awal pagi tadi, kini telah dibuka semula.

Sebagai langkah keselamatan ketika banjir kilat tersebut, kenderaan dari Subang menghala selatan ke arah Shah Alam dilencongkan keluar melalui Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE). Sementara itu, kenderaan dari Bukit Raja yang menghala utara ke arah Subang pula dilencongkan keluar dari NKVE di Persimpangan Bertingkat Setia Alam manakala kenderaan dari Setia Alam dilencongkan ke Bukit Raja.

Pengguna lebuh raya dinasihatkan untuk merujuk saluran komunikasi rasmi PLUS, iaitu X @PLUSTrafik, Aplikasi PLUS, Papan Tanda Mesej Elektronik (VMS), pembantu maya PLUS iaitu PUTRI serta platform media sosial rasmi PLUS untuk maklumat terkini berkenaan cuaca dan keadaan banjir serta laluan alternatif.

Bagi mendapatkan bantuan segera, pengguna lebuh raya boleh menghubungi **PLUSLine di talian 1-800-88-0000**, menggunakan butang SOS menerusi Aplikasi PLUS atau berinteraksi dengan pembantu maya PLUS, **PUTRI**.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Shahriza Embi Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Mobile: 013-333-4690 Email: shahriza.embi@plus.com.my	**Rofina Adam** Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my